

Peruntukan program tuisyen perlu ditanbah

28

MUAR, Ahad – Kerajaan negeri diminta menambah peruntukan bagi menjayakan Program Tuisyen Kampung yang kini dikenali sebagai Program Hikmah supaya semua pelajar tingkatan tiga dan lima di negeri ini dapat menyertaiinya.

Ini kerana melalui pelaksanaan program itu setakat ini hanya membabitkan pelajar pintar dan tertentu saja yang dipilih manakala sebahagian lagi tidak diberikan peluang mengikutinya.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa (PIBG) Sekolah Menengah Tengku Mahmood Iskandar (STMI), Sungai Mati, Md Jemray

Sulaiman, berkata keadaan itu mengecewakan sebahagian ibu bapa apabila anak mereka tidak diberi peluang mengikuti kelas tambahan melalui program berkenaan.

Beliau berkata, Program Hikmah Tuisyen Kampung tidak seharusnya membazir antara pelajar berdasarkan pencapaian cemerlang dalam mata pelajaran tertentu saja yang diberi peluang mengikuti program itu.

“Ini kerana keadaan itu boleh menjelaskan minda pelajar yang tidak terpilih mengikuti kelas berkenaan daripada terus berusaha meningkatkan pencapaian pelajaran masing-masing ke-

rana secara tidak langsung mereka sudah dianggap sebagai pelajar lemah.

“Berikut itu pelajar terbabit dengan sendiri merasa malas belajar sehingga menyebabkan ramai antara mereka tercicir,” katanya di sini, hari ini.

Sebagai contoh, katanya, hanya 132 daripada kira-kira 500 pelajar tingkatan tiga dan lima STMI berpeluang menyertai program berkenaan dengan mengikuti kelas tambahan bagi mata pelajaran tertentu di sekolah berkenaan bermula akhir bulan lalu.

Md Jemray berkata, Program Hikmah Tuisyen Kampung diwujudkan tiga tahun lalu hasil idea Men-

teri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, dalam usaha meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar Bumiputera di negeri ini terutama dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris yang didapati kurang memuaskan.

Beliau berkata, bagi STMI program itu membabitkan empat mata pelajaran penting iaitu Kimia dan Biologi, Matematik Tambahan dan Bahasa Inggeris dengan 15 tenaga pengajar melalui kelas tambahan selama dua jam sehari pada Isnin hingga Khamis.

“Antara alasan yang di-

berikan apabila program itu tidak dapat diadakan secara menyeluruh membabitkan semua pelajar tingkatan tiga dan lima disebabkan kekurangan peruntukan termasuk menyediakan tenaga pengajar yang cukup.

“Bagaimanapun PIBG STMI sentiasa memberikan kerjasama untuk menjayakan program itu termasuk menggalakkan ibu bapa membayar sedikit kos bagi menyediakan nota dan kertas ketika anak mereka mengikuti kelas berkenaan,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, Yayasan Pendidikan Johor (YPJ) yang diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan program berke-

naan perlu diberikan peruntukan tambahan bagi membekalkan lebih ramai pelajar apabila mengikutinya pada masa akan datang.

Beliau berkata, ini kerana melalui program itu dapat membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan menghantar anak mereka mengikuti program berkenaan terutama dari kalan-jan golongan berpendapat rendah.

Katanya, pendapatan penduduk luar bandar yang kini terjejas teruk apabila harga kelapa sawit dan getah jatuh menyebabkan mereka tidak mampu menghantar anak ke kelas tuisyen swasta kerana bayarannya tinggi.